

10 JUL 2004

Pemuda-Khairy

KHAIRY SEDIA HADAPI PERTANDINGAN REBUT JAWATAN NAIB KETUA PEMUDA

SEREMBAN, 10 Julai (Bernama) -- Anggota Exco Pergerakan Pemuda Umno Khairy Jamaluddin hari ini berkata beliau bersedia mengharungi pertandingan bagi merebut jawatan naib ketua pergerakan itu pada pemilihan parti September ini.

Katanya, Pemuda Umno memang sentiasa mengamalkan proses demokrasi dalam memilih pemimpin mereka dan tidak pernah menghalang mana-mana pemimpin dan anggota untuk bertanding mana-mana jawatan.

"Saya bersedia untuk menghadapi pertandingan. Saya mengalu-alukan pertandingan mana-mana calon daripada Pemuda Umno menawarkan diri (merebut jawatan Naib Ketua).

"Saya tidak pernah minta mana-mana calon untuk tarik diri atau bagi laluan. Ini adalah proses demokrasi dan saya rasa ada pertandingan elok juga sebab kita (boleh) serahkan kepada Pemuda Bahagian untuk membuat pencalonan dan perwakilan untuk buat pemilihan," katanya apabila diminta mengulas mengenai perkembangan pencalonan jawatan naib ketua Pemuda Umno.

Sehingga pagi tadi, Khairy, 28, telah mendapat 30 pencalonan bagi bertanding jawatan itu manakala Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir dan Datuk Azimi Daim, masing-masing mendapat satu pencalonan.

Khairy berkata pencalonan adalah hak bahagian.

"Saya menghormati keputusan itu...saya alu-alukan mana-mana pihak untuk menawarkan diri dan biar Pemuda tentukan pemimpin mereka," katanya.

Apabila diminta mengulas dakwaan bahawa kedudukannya sebagai menantu Perdana Menteri akan memudahkan laluan pada pemilihan itu, Khairy berkata jika dilihat kepada fitnah, kritikan dan tohmahan yang dilemparkan kepadanya, sebenarnya laluan untuk bertanding jawatan berkenaan bukan mudah.

"Saya rasa tidak ada pemimpin, ahli politik dan ahli Pemuda lain yang terpaksa menghadapi banyak kritikan, fitnah dan tohmahan seperti saya," katanya.

Khairy juga berkata keputusannya untuk bertanding jawatan naib ketua Pemuda Umno hanya dibuatnya seminggu yang lepas setelah melihat sokongan padu di peringkat akar umbi dan rakan-rakan dalam Pemuda Umno.

"Keputusan untuk menerima pencalonan bagi jawatan Naib Ketua Pemuda diambil setelah pelbagai faktor diambil kira untuk tidak menghampakan harapan dan sokongan padu yang telah diberikan oleh sahabat-sahabat saya di peringkat akar umbi dan Pemuda Umno di seluruh negara," katanya.

Khairy menang tanpa bertanding jawatan Ketua Pemuda Umno Bahagian Rembau pada persidangan perwakilan bahagian itu semalam.

-- BERNAMA

APG MOZ